



ANNUAL REPORT 2007

# Laporan Tahunan 2007



فَرِيدَانِ كَمَا جَوَانِ اِقْتِصَادِ نَكْرِي كَلَنْتَرِ

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION





ANNUAL REPORT 2007

# Laporan Tahunan 2007



وَرَبْدَانِي كَمَا جَوَانًا قَضَا نَكْرِي كَلْبِي

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

# Kandungan

## Contents

- 2 Misi & Falsafah Korporat  
*Corporate Mission And Philosophies*
- 4 Ahli Lembaga Pengarah  
*Board of Directors*
- 6 Struktur Organisasi PKIN4  
*KSEDC Organisation Structure*
- 8 Kumpulan Pengurusan  
*Management Team*
- 9 Perutusan Pengerusi  
*Chairman's Statement*
- 12 Tinjauan Operasi  
*Operations Review*
- 23 Peristiwa Korporat  
*Corporate Event*
- 32 Maklumat Operasi Dan Kewangan  
*Operation and Financial Highlights*
- 36 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir  
31 Disember 2007  
*Financial Statement for the year Ending  
31st December 2007*



## MISI KORPORAT

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam meneraju pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan ummah.

## FALSAFAH KORPORAT

Mewujudkan komitmen yang tinggi untuk membangun dan meningkatkan kesejahteraan sosio ekonomi negeri serta rakyatnya.

Membangunkan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang berjaya di Malaysia dengan tumpuan khusus diberikan kepada sektor hartanah, perladangan dan industri berasaskan tan.

Mensasarkan pertumbuhan yang mampan dengan menceburi perniagaan yang memiliki kelebihan daya saing, di samping mengekalkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat.

Menggalakkan aktiviti komersil serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kerjasama antara sektor kerajaan, pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.

Menghormati setiap pelanggan dan membalas kesetiaan mereka dengan perkhidmatan yang baik dan produk yang berkualiti melalui dedikasi yang unggul.

Berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam sebagai prinsip dan panduan ke arah mencapai matlamat korporat dan untuk kesejahteraan ummah.

Menghasilkan kumpulan kerja yang berkualiti melalui pengwujudkan persekitaran kerja yang menjamin peningkatan dan perkembangan peluang kerjaya, di samping menggalakkan semangat berkumpulan serta mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan mempercayai di setiap peringkat dalam organisasi.

## CORPORATE MISSION

A Corporate body, operates on Islamic principles with responsibilities in spearheading economic development for the prosperity of the ummah.

## CORPORATE PHILOSOPHY

To be fully committed in developing and uplifting to socio-economic well-being of the State and its citizens.

To develop Kelantan into Malaysia's most successful state with special focus on property, plantation and agro-industries.

To pursue a sustainable growth and to venture into businesses in which Kelantan have has a competitive advantage, while maintaining a sense of responsibility towards the public.


To encourage commercial activities and to create job opportunities while helping to promote economic growth and enhancing working relationship between the government sector, private sector and public at large.

To respect our customers and reward their loyalty with superior service and best quality products through our dedication to excellence.

To uphold Islamic value as the guiding principles towards achieving corporate goals and 'The Prosperity of the Ummah'.

To produce a quality work-force by creating a conducive environment which will foster a spirit of teamwork, trust and mutual respect at every level within the organization.

## PENGERUSI CHAIRMAN



**YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat**  
S.J.M.K., K.M.N., J.P.  
Menteri Besar Kelantan **Chief Minister of Kelantan**  
Pengerusi **Chairman**



# AHLI LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS

## PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

**YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat**  
Menteri Besar Kelantan *Chief Minister of Kelantan*  
Pengerusi *Chairman*

**YB Dato' Haji Ahmad bin Yakob**  
Timbalan Menteri Besar Kelantan *Deputy Chief Minister of Kelantan*  
Timbalan Pengerusi *Deputy Chairman*

**YB Dato' Haji Mohd. Aiseri bin Haji Alias**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Secretary*  
Ahli *Member*

**YB Dato' Haji Shkori bin Mohamed**  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan *Kelantan State Financial Officer*  
Ahli *Member*

**YB Dato' Haji Husam bin Musa**  
Exco Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Exco*  
Ahli *Member*

**YB Haji Zulkifli bin Mamat**  
Exco Kerajaan Negeri Kelantan *Kelantan State Exco*  
Ahli *Member*

**YBhg. Datuk Haji Rameli bin Musa**  
Ahli Perniagaan *Businessman*  
Ahli *Member*

**YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Samad bin Haji Alias**  
Ahli Perniagaan *Businessman*  
Ahli *Member*

**YBrs. Haji Azmi bin Mohd. Ali**  
Ahli Perniagaan *Businessman*  
Ahli *Member*

**YBhg. Datuk R. Karunakaran Ramasamy**  
Ketua Pengarah MIDA *MIDA Director General*  
Ahli *Member*

**YBrs. Encik Zainuddin bin Ahmad**  
Pengerah Bahagian Pembangunan Francais *Director, Franchise Development Division*  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi *Ministry of Entrepreneurs and Co-operative Development*  
Ahli *Member*

**YBrs. Haji Awang bin Che Seman**  
Timbalan Setiausaha Kementerian Kewangan *Deputy Secretary Ministry of Finance*  
Ahli *Member*

# AHLI LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS



YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik  
Abdul Aziz bin Haji Nik Mat  
Pengerusi  
Chairman



YB Dato' Haji Ahmad  
bin Yakob  
Timbalan Pengerusi  
Deputy Chairman



YB Dato' Haji Mohd. Aiseri  
bin Haji Alias  
Ahli  
Member



YB Dato' Haji Shkor  
bin Mohamed  
Ahli  
Member



YB Dato' Haji Husam  
bin Musa  
Ahli  
Member



YB Haji Zulkifli bin Mamat  
Ahli  
Member



YBhg. Datuk Haji Ramei  
bin Musa  
Ahli  
Member



YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul  
Samad bin Haji Alias  
Ahli  
Member



YBrs. Haji Azmi  
bin Mohd. Ali  
Ahli  
Member



YBhg. Dabuk R. Karunakaran  
Ramasamy  
Ahli  
Member



YBrs. Enrik Zainuddin  
bin Ahmad  
Ahli  
Member




YBrs. Haji Awang  
bin Che Seman  
Ahli  
Member



# STRUKTUR ORGANISASI PKINK

## KSEDC ORGANISATION STRUCTURE






KETUA EKSEKUTIF  
CHIEF EXECUTIVE




**Haji Wan Yahya Bin Wan Salleh**  
Ketua Eksekutif Chief Executive

## KUMPULAN PENGURUSAN MANAGEMENT TEAM



H. Widiyanto Widiyanto  
Direktur Keuangan & Akuntansi  
Manajemen



H. Widiyanto Widiyanto  
Deputy CEO (Planning & Development)  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Abdurrahman Abdurrahman  
Deputy CEO (Planning & Development)  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Deputy CEO (Corporate Affairs)  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



Dita Nurul Huda  
Finance Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan




H. Agus Supriyanto  
Corporate Planning Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Corporate Planning Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Service Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Project & Strategy Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Project & Strategy Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan




H. Agus Supriyanto  
Project & Strategy Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Project & Strategy Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



H. Agus Supriyanto  
Manager  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



Agus Supriyanto  
Deputy Officer to CEO  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan  
Manajemen & Pengembangan



## PERUTUSAN PENERUSI

Segala puji itu hanya tertentu bagi Allah S.W.T Pemilik Kerajaan Lahir dan Bumi. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan restu dan limpah Izin-Nya saya mewakili Ahli-Ahli Lembaga Pengarah PKINK dengan sukacitanya membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan PKINK yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007.

Kadar pertumbuhan ekonomi negara sepanjang tahun 2007 berkembang pada paras yang sederhana iaitu 5.2 peratus berbanding dengan pertumbuhan pada tahun 2006 iaitu pada paras 5.8 peratus. Namun begitu pertumbuhan ekonomi negara adalah kekal kukuh disokong dengan permintaan domestik yang teguh dan prestasi eksport yang baik telah membolehkan ekonomi negara terus berkembang walaupun menerima pelbagai tekanan global yang tidak menentu. Pertumbuhan yang sederhana ini juga turut mendorong pertumbuhan ekonomi yang positif bagi negeri Kelantan.

Tekanan inflasi yang dialami oleh sesetengah negara maju dan beberapa negara membangun yang lain disebabkan kenaikan harga tenaga dan makanan, telah memberi impak kepada inflasi dalam negara serta pertumbuhan ekonomi. Walaupun begitu, inflasi secara keseluruhannya masih terkawal di sebalik pertumbuhan ekonomi dunia yang kukuh. Ekoran daripada itu, ia turut memberi implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan dan sedikit sebanyak boleh merjejaskan kuasa beli rakyat yang sekaligus memberi kesan kepada pembangunan rakyat negeri Kelantan khususnya.

Dalam usaha untuk mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi khususnya bagi negeri Kelantan, Kerajaan Negeri memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan projek-projek yang telah dirangkaikan melalui Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Antaranya projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang telah dilancarkan pada 29 Oktober 2007 yang lalu oleh YAB Perdana Menteri.

Ekonomi negeri Kelantan yang didorong oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan, sokongan dari pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang tinggi serta pertumbuhan industri pelancongan dan kewangan, dijangka mampu merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Perkembangan positif dalam pelbagai aktiviti pertanian termasuk akuakultur, hortikultur dan ternakan dijangka akan mampu meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pertanian dengan nilai tambah yang tinggi akan diberi penekanan berterusan sebagai bidang yang berpotensi besar untuk diterokai sama oleh pelabur swasta. Hal ini akan mengubah prospek sektor pertanian sebagai sumber pertumbuhan yang cergas dan berdaya maju.

Begitu juga dengan aktiviti pembinaan dan pembangunan hartanah, khususnya dalam subsektor harta kediaman, perumahan kos rendah dan mampu milik, dan perumahan kos sederhana, dijangka dapat meningkatkan industri pembinaan dalam negeri, terutamanya peranan yang dimainkan oleh Syarikat Kumpulan PKINK seperti Binaraya, Profil Impian dan Kelkon.

Rangsangan pertumbuhan ekonomi negeri juga turut memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan terutamanya melalui aktiviti Permodalan Kelantan Berhad yang melibatkan Infra Quest, An-Nisa dan Ar-Rahn.

Menerusi gandingan yang mantap bersama sektor awam negeri, swasta serta seluruh lapisan masyarakat dengan amalan dan penghayatan budaya kerja dan urus tadbir yang cekap dan cemerlang mampu membawa PKINK mencapai misi dan falsafah korporatnya ke arah masa depan yang lebih baik dalam memastikan kejayaan berterusan.

## CHAIRMAN'S STATEMENT

*All praises only to Allah, the ruler of heaven and earth. Regards to our prophet, Nabi Muhammad SAW.*

*May peace fall upon you and may Allah bless you with generosity and prosperity*

*With HIS will and blessing, on behalf of KSEDC Board of Directors, I am honoured to present KSEDC annual report and audited financial statement for the year ending 31 December 2007*

*During the year of 2007, national economic growth expanded only at a moderate level of 5.2% compared to 5.8% in the year 2006. Nevertheless Malaysia's economy remained firm, supported by strong domestic demand and good export performance, although being subjected to various global pressure. This has led to a positive economic growth for the state of Kelantan as well.*

*Inflationary pressures experienced by a few developed nations and several other developing countries had caused energy and food prices to increase, which in turn gave deeper impact to our country's inflation rate and economic growth. Nevertheless, overall inflation is still under control, amid strong world economic growth. In the wake of that, such situation has directly affected the state's development and the people's purchasing power.*

*In an effort to accelerate the economic growth for Kelantan, the state government's focus will be on projects that has been planned under the Ninth Malaysia Plan (SIMP) and the regional development projects within the Eastern Corridor Economic Region (ECER) that was launched on 29th of October 2007 by YAB Prime Minister.*

*The main thrust of Kelantan's economy are the manufacturing and services sectors, which are supported by high consumer spending as well as growth in tourism and finances industries. Positive development in various agricultural activities including aquaculture, horticulture and livestock are expected to further stimulate the sector, whereby continued emphasis on higher added value will create greater potentials for private investors. This will turn agriculture into a dynamic and viable contributor to economic growth.*

*Similar with property construction and development. The continued demand for residential, especially low-cost and medium cost housing, are expected to increase the construction activities in the state, especially in the subsectors dominated by companies within KSEDC Group, namely, Binaraya, Profil Impian and Kelkon.*

*Another stimulator to the state economic growth is the services sector, ventured via Permodalan Kelantan Berhad with activities carried out by Infra Quest, An-Nisa and Ar-Rahn.*

*With a solid collaboration between the public and the private sector, together with a society which practices good corporate governance and excellent work culture, KSEDC will be able to achieve its mission and corporate philosophies, towards a more favourable and successful future.*



## PRESTASI KEWANGAN

### PERBADANAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Perbadanan telah mencatat perolehan sebanyak RM 29.640 juta berbanding RM 29.038 juta bagi tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak RM 0.602 juta. Bagi pendapatan operasi, jumlah dagangan yang dicatat bagi tahun 2007 adalah sebanyak RM 20.142 juta berbanding RM 26.919 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sebanyak RM 6.777 juta. Faktor utama kepada kemerosotan ini ialah kerana penurunan sumbangan hasil daripada sektor pembangunan hartanah, perhutanan dan sumber asli sebanyak RM 7.523 juta. Manakala pendapatan dari sewaan meningkat sebanyak RM 0.746 juta.

Walaupun bagaimanapun, penurunan hasil operasi tersebut telah diimbangi oleh peningkatan pendapatan dari bukan operasi sebanyak RM 7.376 juta. Penyumbang terbesar adalah pendapatan dari dividen dan pelaburan *Ar-Rahn* yang meningkat sebanyak RM 2.818 juta. Keuntungan jualan harta tetap dan lain-lain pendapatan pula mencatat kenaikan sebanyak RM 2.556 juta. Manakala pengiktirafan pendapatan dari penerimaan geran Kerajaan bertambah sebanyak RM 2.002 juta.

Belanja mengurus dan kendalian serta kewangan pula telah mencatat penurunan sebanyak RM0.270 juta berbanding tahun 2006. Manakala perbelanjaan cukai meningkat sebanyak RM0.243 juta.

Hasil dari keuntungan kasar dari operasi yang meningkat sebanyak RM4.196 juta kepada RM9.766 juta pada tahun 2007 telah membawa kepada peningkatan dalam keuntungan bersih dari RM2.857 juta tahun 2006 kepada RM6.727 juta tahun 2007. Ini telah meningkatkan jumlah keuntungan terkumpul Perbadanan bagi tahun 2007 kepada RM71.259 juta berbanding RM64.532 juta pada tahun 2006.

### KUMPULAN

Secara keseluruhannya, Kumpulan PKINK mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM240.268 juta dalam tahun 2007, melonjak RM17.164 juta daripada RM223.104 juta yang diperolehi dalam tahun 2006. Sektor perladangan menerajui lonjakan tersebut apabila perolehan syarikat-syarikat dalam sektor tersebut bertambah RM11.606 juta dari tahun 2006, dengan faktor kenaikan harga komoditi sebagai penyumbang utama. Pendapatan dari sektor perkhidmatan turut berkembang kukuh, sebanyak RM8.128 juta, terutamanya hasil dari sewaan menara telekomunikasi. Pembangunan hartanah dan aktiviti perikanan turut mencatatkan peningkatan perolehan, masing-masing sebanyak RM2.798 juta dan RM1.630 juta. Pendapatan dari sektor perhotelan pula tumbuh sebanyak RM1.210 juta.

Hasil dari peningkatan perolehan, keuntungan kasar kumpulan turut melonjak RM12.255 juta dari RM72.728 juta dalam tahun 2006 kepada RM84.984 juta dalam tahun 2007. Hasil dari perbelanjaan heremah, keuntungan bersih sebelum cukai kumpulan berlipat ganda kepada RM40.910 juta, berbanding RM20.818 juta yang dicatatkan dalam tahun 2006. Keuntungan bersih selepas cukai dan pegangan minoriti turut berkembang pada momentum yang sama, menjadi RM34.745 juta dalam tahun 2007, daripada RM15.777 juta dalam tahun 2006.

## FINANCIAL PERFORMANCE

### CORPORATION

For financial year ended 31st of December 2007, KSEDC has generated RM 29.640 million in turnover, compared to RM 29.038 million in the year 2006, which is an increase of RM 0.602 million. Operating income for the year 2007 plunged RM 6.777 million to RM 20.142 million, from RM 26.919 million charted in the year 2006. The main cause to this decline was a lower contribution from property development, forestry and natural resources, by as much as RM 7.523 million. While earnings from rental shot up by RM 0.746 million.

However, it was off-set by the larger income from non-operating activities, which increase by RM 7.376 million. Largest contributor was the income from dividends and investment in *Ar-Rahn* which soar by RM 2.818 million. Profit from disposal of fixed assets and other income also record an increase of RM 2.556 million. While recognition of income from Government grant received was RM 2.002 million.

Administrative and operational expenses, as well as cost of finance, dropped RM0.270 million compared year 2006 while taxation charges increase by RM0.243 million.

Gross profit from operation swell by RM4.196 million to RM9.766 million in the year 2007, thus boosting net profit from RM2.857 million in year 2006 to RM6.727 million in year 2007 and bringing accumulated profit as at 31 December 2007 to RM71.259 million.

### GROUP

As a whole, KSEDC Group charted a total turnover of RM240.268million in year 2007, soaring RM17.164million from RM223.104million gained in year 2006. The plantation sector led the momentum when its turnover catapulted RM11.606 million from 2006, mainly due to the escalating price of Crude Palm Oil. Income from services ballooned by RM8.128million within the same period, mainly contributed by the rental of telecommunication towers. Property development and timber-related activities also registered an increase in turnover of RM2.798million and RM1.630million respectively. Income from the group's hospitality businesses also checked up a significant improvement, with a RM1.210million increase in turnover.

As a result, the group gross profit soared by RM12.255million from RM72.728million in year 2006 to RM84.984million in year 2007. Coupled with lower expenses, the group netted a pre-tax profit of RM40.910 million for the year 2007, almost doubling the year 2006's figure of RM20.818million. After providing for taxation and considering the minority interest, the group net profit for the year 2007 amounted to RM34.745million, more than double the net profit of RM15.777million recorded in year 2006.



## **PROSPEK MASA DEPAN**

Sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi bagi negeri Kelantan, PKINK akan terus menambahbaik mutu dan kualiti kerja dalam semua aspek pentadbiran, sistem penyampaian serta pengurusan syarikat-syarikat Kumpulan PKINK. Langkah-langkah yang efisien dan proaktif melalui pendekatan yang lebih dinamik dan tersusun dalam mendorong pertumbuhan ekonomi negeri akan terus dilaksanakan.

PKINK akan meneruskan komitmen yang tinggi bagi memberikan kesejahteraan kepada rakyat Kelantan melalui usaha-usaha peningkatan taraf sosio ekonomi negeri dan penduduknya melalui program-program serta projek-projek yang akan membawa manfaat seluruhnya kepada rakyat negeri ini.

Saya dan seluruh warga PKINK akan terus melipatgandakan usaha bagi memastikan hasrat dan cita-cita untuk memajukan ekonomi rakyat Kelantan tercapai dengan jayanya dan Kelantan lahir sebagai sebuah negeri yang sejahtera serta diridhai Allah S.W.T hendaknya.

## **PENGHARGAAN**

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh warga kerja PKINK di atas usaha dan komitmen berterusan yang telah ditunjukkan sehingga dapat mencapai prestasi yang comelang bagi tahun 2007. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan serta kerjasama kepada PKINK dengan harapan agar jalinan kerjasama dapat diteruskan dan diperkukuhkan di masa hadapan.

## **FUTURE PROSPECTS**

*As an agency for the state economic development, KSEDC will continue to improve the quality in all aspects of administration, delivery system and management of subsidiaries. PKINK will continuously employ dynamic, proactive and progressive approaches in spearheading the state's economic growth.*

*KSEDC will uphold its commitment to enhance the socio-economic well-being of the people of Kelantan, through programmes and projects that would bring benefit to citizens.*

*All the members of KSEDC, and myself, will put together relentless efforts to ensure that the aspiration to lift the people's economic well-being in Kelantan is fulfilled, and Kelantan will forever emerge as a state blessed by Allah SWT.*

## **ACKNOWLEDGEMENT**

*On the behalf KSEDC, I express my heartfelt gratitude to all the Board members, management team, and the whole workforce of KSEDC for the performance achieved to date. I also like to extend my appreciation to the Federal Government, the State Government of Kelantan, all the Government departments and agencies, private companies as well as individuals who have supported and cooperated with KSEDC and may the collaboration persevere in years to come.*



## TINJAUAN OPERASI

Sepanjang tahun 2007, pertumbuhan ekonomi negeri berkembang secara positif sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang agak sederhana.

PKINK sebagai agensi penggerak pembangunan ekonomi negeri terus menumpukan perhatian kepada sektor-sektor yang memberi impak langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri iaitu sektor pembinaan, pembangunan hartanah, perladangan dan perkhidmatan.

PKINK sentiasa berusaha bagi memenuhi dan mencapai misi dan falsafah korporatnya ke arah menjadi sebuah badan korporat yang bermati-mati keuntungannya dan menyampaikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat Kelantan.

## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menguruskan tenaga kerja bagi memastikan ia berada di tahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan seoptimum yang mungkin. Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan serta penyediaan latihan atau kursus yang sesuai mengikut keperluan anggota.

Dalam usaha memartapkan dan mempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan sumber manusia dalam organisasi, PKINK sentiasa membuat semakan dan meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan tugas, bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tugas di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran.

Selain itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia juga terlibat dalam beberapa program bersama masyarakat yang telah dilaksanakan melalui Unit Perhubungan Korporat bagi mengeratkan hubungan Kumpulan PKINK dengan masyarakat melalui program kebajikan dan program Ihya Ramadhan bersama masyarakat.

Di samping itu, usaha mengukuhkan kerjasama dan perpaduan sesama anggota dan juga antara kakitangan bawahan dengan pihak pengurusan bagi membentuk dan mewujudkan budaya kerja berpasukan dan cemerlang terus dilaksanakan melalui program-program seperti Majlis Berbuka Puasa Anggota, penyertaan dalam Majlis Sambutan Hari Raya Kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan, sukan persahabatan antara anggota serta perlawanan bola sepak persahabatan antara kumpulan PKINK dengan agensi-agensi Kerajaan.

Dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada anggota, beberapa program telah diatur sepanjang tahun 2007, antaranya ialah Kurikulum Pembangunan Insan TI, Lawatan Ilmiah ke Kuala Lumpur (MECD, PKNS, JPA, Parlimen dan Cuepacs) Ceramah-Ceramah Keagamaan, Ceramah Motivasi dan Sambutan Bulan Sembahyang peringkat PKINK.

Selain itu juga, anggota-anggota telah diberi peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri bagi memartapkan tahap kerja dengan mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Institut Tacbiran Awam Negara (INTAN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan profesional yang lain.

## BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Bahagian Perancangan Korporat memulakan tahun baru 2007 dengan penyediaan Laporan Prestasi Kumpulan PKINK bagi keseluruhan tahun 2006, untuk maklumat pengurusan tertinggi Perbadanan serta sebagai intipati untuk Ucapan Ketua Eksekutif Kumpulan sempena kedatangan tahun baru Hijrah 1428.

## OPERATIONS REVIEW

*Throughout the year 2007, the state's economy has expanded in line with the moderate national growth.*

*KSEDC continues to act as the state's development catalyst, mainly revolved around sectors which have the biggest direct impact on the overall economic growth, namely construction, property development, plantation and services.*

*KSEDC also strive to achieved its double-edge target of corporate profitability as well as delivering the best services to the public at large.*

## HUMAN RESOURCE DIVISION

*Human Resource Management Division plays a vital role in managing workforce to make sure it stays competent and optimized at maximum level. In addition, this department is also responsible in ensuring that all administrative aspects are run efficiently, as well as adequate provision of suitable training and courses to every staff.*

*In the effort to strengthen and enhance that capability and competency of human resources in the organization, the management of KSEDC always monitor the staffing position in terms of posting and job requirements to make sure of its compatibility and effectiveness, at all levels management and administration.*

*Apart from that, Human Resource Division also involved in several social and charity programs that were implemented through the Corporate Relation Unit, to foster good relation between KSEDC and the community, for eg. Ihya Ramadhan program.*

*In addition, programs to strengthen cohesiveness and unity among staff as well as strong teamwork between superiors and subordinates are conducted on regular basis and also on special occasions such as Breaking Fast. Good relationships with other agencies are fostered via Raya Celebration, and also through sports tournaments and friendship matches with other agencies.*

*In order to provide better understanding and exposure to the staff, various programs have been arranged during the year 2007 such as running courses under the Human Development Curriculum, organizing working trips to the relevant ministries and related agencies, conducting religious programs and motivational talk, as well as celebrating Soviet Month at group level.*

*Apart from that, all staff are encouraged to attend seminars and courses held by National Institute of Public Admin Negera (INTAN), State Secretary Office and relevant professional bodies.*

## CORPORATE PLANNING DIVISION

*Corporate Planning Division began the year 2007 with the preparation of KSEDC Performance Report for the year 2006 to the top management and as the main essence for CEO's Keynote Address for the New Year.*



Dari sudut pemantauan, selain menerima laporan kewangan dan pelaksanaan fizikal dari syarikat-syarikat anak, Bahagian Perancangan Korporat turut merangka beberapa lawatan korporat ke beberapa syarikat bagi meninjau secara lebih dekat operasi perniagaan serta mendapatkan penjelasan secara mendalam segala isu atau masalah yang dihadapi. Syarikat-syarikat yang dilawati dalam tahun 2007 ialah:

1. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad
2. Hotel Perdana Sdn Bhd
3. Perdana Resort Sdn Bhd
4. Perdana Superbowl Sdn Bhd
5. Kelkon Sdn Bhd

Bahagian Perancangan Korporat juga turut menjalinkan pemantauan ke atas semua projek hartanah Kumpulan PKINK, termasuk projek-projek yang mendapat peruntukan pembiayaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

Bagi memantapkan lagi proses penyediaan bajet syarikat-syarikat anak Kumpulan PKINK, satu sesi Seminar On Budgeting Process telah diadakan melibatkan penyertaan daripada semua syarikat anak. Seminar tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kepelbagaian kaedah serta proses penyediaan bajet bagi menjamin keberkesanannya sebagai alat untuk memastikan pengalihan sumber syarikat secara optimum dan menghasilkan keuntungan maksima.

Dari sudut perancangan, Bahagian Perancangan Korporat telah mengadakan dua sesi Percambahan Fikiran bagi mengenalpasti kedudukan kumpulan pada masa ini, iaitu kekuatan dan kelemahan, serta peluang yang boleh diterokai dan cabaran yang perlu diatasi untuk kekal sebagai penggerak pembangunan ekonomi negeri. Sesi pertama telah diadakan di kalangan pegawai-pegawai Perbadanan serta pengurusan syarikat anak di Cameron Highland pada 19 hingga 22 April 2007, manakala rumusan daripada sesi tersebut telah dibentangkan untuk dibincangkan di kalangan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan serta Pengerusi syarikat-syarikat anak di Hotel Perdana pada 30 Disember 2007.

Di samping aspek komersial, PKINK turut mengimbangi matlamat sosial yang perlu dilaksanakan bagi menjamin masyarakat negeri akan menerima kesan limpahan positif dari pembangunan yang dijalankan, terutamanya dari aspek pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Justeru itu, Bahagian Perancangan Korporat telah terlibat secara langsung dalam merangka kajian penyelidikan dan pembangunan program Pembangunan Usahawan Dalaman (Intrapreneur) bagi membuka peluang kepada anggota Perbadanan untuk menjalankan projek-projek PKINK secara persendirian. Antara projek-projek yang dicadangkan ialah penternakan lembu bagi memenuhi keperluan tempatan.

Bahagian Perancangan Korporat telah mengusulkan lapan cadangan projek MPPB untuk mendapat peruntukan MECD dibawah Kajian Separuh Penggal RMK9 dan empat projek telah disenaraipendek untuk mendapat perakuan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri iaitu:

1. Pusat Riadah dan Rekreasi di Lojing, Gua Musang
2. Pusat Multimedia di KB Bazaar Kota Bharu
3. Projek Tanaman Herba dan Gaharu di Jeli
4. Pusat Homestay di Mukim Kala, Pasir Mas

Di samping itu, peruntukan tambahan telah dipohon untuk pembangunan bersepadu Halal Park di Mukim Apam, Pasir Mas (yang telah mendapat peruntukan dibawah RMKS) serta mensikertaf Medan Usahawan Kota Bharu (yang dilaksanakan dibawah peruntukan RMK8).

Bahagian Perancangan Korporat juga telah mengusulkan beberapa lagi projek bercirikan pelancongan dan perkhidmatan untuk dimasukkan dalam Pelan Untuk Koridor Pembangunan Pantai Timur (ECER) iaitu:

1. Resort di Pantai Irama Bachok
2. Resort di Lojing, Gua Musang
3. Bumi Mall di Kota Bharu
4. Terminal Kargo di Rantau Panjang

*On monitoring perspective, apart from accepting financial and physical reports from subsidiaries, Corporate Planning Division organizes Corporate Visits to several companies to look at their business operation on the ground and get deeper understanding on pertaining issues or problems. Companies visited for year 2007:*

- i. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad
- ii. Hotel Perdana Sdn. Bhd.
- iii. Perdana Resort Sdn. Bhd.
- iv. Perdana Superbowl Sdn. Bhd.
- v. Kelkon Sdn. Bhd.

*Corporate Planning Division also monitors all property development projects implemented by KSEDC Group, including projects funded by MECD under the 9MP.*

*To improve the budget preparation process for KSEDC and subsidiaries, a Seminar on Budgeting Process was held. The purpose of this seminar was to provide exposures on alternative techniques in preparing budgets, in order to ensure its effectiveness as a tool in optimizing the allocation of company's resources.*

*From planning perspective, Corporate Planning Division have organized two brainstorming sessions to evaluate the Group current position, which is its strength and weakness, and also opportunities to explore and challenges to overcome, in order to remain strong as the catalyst for the state economic development. The first session was held among KSEDC's officers and subsidiaries top management. This session was held in Cameron Highland from 9th to 22nd April 2007, the resolutions were presented for discussion among KSEDC Board Members and Chairman of all subsidiaries at Hotel Perdana on 30th December 2007.*

*Apart from commercial objectives, KSEDC has to fulfill its social goals so that the community at large can enjoy the benefits from the development carried out, including the creation of Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC). Hence, the Corporate Planning Division has conducted a research study on developing entrepreneurs among KSEDC's staff by creating projects for them to undertake directly. Among the projects proposed is cattle farming to meet domestic requirement.*

*The Corporate Planning Division have proposed eight BCIC projects to MECD for allocation under the 9MP mid-term review, and four of them were shortlisted for approval by the Economic Planning Unit. Those projects are:*

1. Rest & Recreational Centre in Lojing, Gua Musang
2. Multimedia Centre in KB Bazaar Kota Bharu
3. Herbal Farming in Jeli
4. Homestay Centre in Mukim Kala, Pasir Mas

*Apart from that, additional allocation was requested for the integrated Halal Park development in Mukim Apam, Pasir Mas (which received funding under 9MP) as well as in upgrading the Food Court in Kota Bharu (implemented under 8MP funding).*

*Corporate Planning Division also proposed additional projects, mainly focusing on tourism and services, to be included under the Eastern Corridor Economic Region (ECER). Those projects are:*

1. Beach Resort in Pantai Irama, Bachok
2. Highland Resort in Lojing, Gua Musang
3. Bumi Mall in Kota Bharu
4. Inland Cargo Terminal in Rantau Panjang



Cadangan-cadangan ini dikemukakan setelah pegawai-pegawai BPK mendapat input hasil jawatan kerja ke projek-projek yang seumpama dan telah dijalankan dengan jayanya di negeri-negeri lain. Aktiviti-aktiviti lain yang mana BPK terlibat secara langsung ialah penyediaan taklimat korporat PKINK, serta pembekalan maklumat untuk Video Korporat dan Laman Web PKINK.

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah menetapkan misinya iaitu membantu menyediakan program dan infrastruktur ke arah membina generasi usahawan Islam yang berkualiti dan bertaqwa selaras dengan dasar mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Objektif bahagian ini ialah untuk menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan bertaqwa sng dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Kelantan.

Bahagian Pembangunan Usahawan yang telah dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sebagai sekretariat Program Usahawan Muda (PUM), peringkat negeri Kelantan telah berjaya melaksanakan program ini di dua puluh empat (24) buah sekolah menengah iaitu 12 buah sekolah di bawah Jabatan Pelajaran Kelantan dan 12 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan. Peihakal program sokongan telah dijayakan bagi memastikan pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar terus berkembang sebagaimana yang telah dirancang seperti Seminar Ahli Lembaga Pengarah, Konvensyen Peringkat Negeri, Latihan Guru Pembimbing dan Penasihat serta Seminar "Training Of Trainers" (TOT). Selain program kursus dan seminar, pembinaan kios telah dilaksanakan di dua puluh empat (24) buah sekolah. Ianya bagi memberi kemudahan kepada para pelajar untuk menjayakan aktiviti PUM di sekolah masing-masing.

Kursus-kursus asas dan peningkatan usahawan yang dilaksanakan ialah Kursus Penjaja dan Peniaga Kecl, Seminar Pendedahan Francais Peringkat Negeri Kelantan dan Kursus Asas Kontraktor. Program Pembangunan Usahawan Technopreneur yang bermula dengan seminar "Start Your Own Business" pada 1 hingga 6 September 2007 telah berjaya melahirkan seramai 25 orang usahawan dalam bidang ICT setelah mereka berjaya dalam program inkubator selama 3 bulan.

Selain itu, PKINK juga telah menyertai beberapa ekspo keusahawanan iaitu Satu Daerah Satu Industri di Melaka, Showcase Usahawan dan Gerak Usahawan Peringkat Nasional di PWTC. PKINK juga telah dilantik sebagai penganjur bagi Gerak Usahawan Negeri Kelantan yang telah diadakan di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV pada 16 hingga 18 Ogos 2007.

Bahagian Pembangunan Usahawan juga telah berjaya melahirkan produk francais pertama di Kelantan melalui Sistem Pafak Gadaai Islam iaitu Ar-Rahn yang diurusmilik oleh Permodalan Kelantan Berhad, salah sebuah syarikat anak PKINK. Ar-Rahn telah berjaya didaftarkan sebagai sebuah syarikat franchisor di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD).

Usaha-usaha pembangunan dan pengeluaran produk halal telah dilaksanakan melalui kerja-kerja ubah suai bangunan kilang sedia ada di Pengkalan Chepa baci tujuan pengeluaran produk roti, produk makanan sejuk beku (pau, kanpau, murtabak, roti canai) dan produk berasaskan buah (puri, kordai, sus, kerepek pisang). Bangunan kilang tersebut memenuhi piawaian GMP premis pengeluaran produk makanan dan dijangka dapat beroperasi pada April 2008.

Sepanjang tahun 2007, projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) yang dimulakan pembinaan pada tahun 2007 ialah Projek Pusat Pembangunan Usahawan dan PKS Makanan Halal di Mukim Apam, Pasir Mas dan Projek Gerai Tok Bali Fasa II, Semerak, Pasir Puteh.

*These proposals were presented after a series of field trips conducted by the division, to projects that has been carried out successfully in other states. The Corporate Planning Divisions also involved directly in preparing the KSEDC Corporate Brief and providing information for Corporate Video and KSEDC websites.*

## ENTREPRENEUR DEVELOPMENT DIVISION

*KSEDC Entrepreneur Development Division had set its mission as to develop programs and infrastructure towards building a generation of Islamic Entrepreneurs that qualify for the Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC). This division objective is to create an environment that can nurture genuine small entrepreneurs to be able to venture competitively, viably and profitably in various sectors as well as enhancing the entrepreneurial culture among Kelantanese people.*

*The division appointed by MECD as the secretariat for Kelantan's Youth Entrepreneurial Program (PUM) for Kelantan, has implemented successfully the programs in twenty four (24) secondary schools, 12 of which are under the State Education Department and the other 12 under Kelantan Islamic Foundation. Various activities were held under this program to further embed entrepreneur culture among the youth. Support programs such as Seminar for Board of Directors, State Convention, Training For Facilitators, Advisors and Trainers are also conducted. Kiosks are also set up in those schools, equipped with facilities for students to carry out their PUM activities.*

*Basic and intermediate courses implemented were for small businesses and traders, franchise and contractors. Technopreneur Development Program which kicked-off with a seminar on "Start Your Own Business" on 1st to 5th September 2007, is expected to successfully produce as many as 25 entrepreneurs in IT after they complete their 3-month academy.*

*Apart from that, KSEDC had also participated in several exhibitions and exhibitions, namely SDSI in Malacca, Entrepreneur Showcase and the National "Gerak Usahawan" in PWTC. KSEDC was also the organizer for State "Gerak Usahawan" which was held at the Stadium Sultan Muhammad Ke-IV from 16th to 18th August 2007.*

*Entrepreneur Development Division also succeeded in creating the first franchise in Kelantan through Islamic Pawn System or Ar-Rahn, which is managed by Permodalan Kelantan Berhad, one of KSEDC subsidiaries. Ar-Rahn was registered under MECD's list of franchisor.*

*To start the ball rolling for the development of halal food industry, used factory buildings in Pengkalan Chepa Industrial Estate were renovated for production of frozen pastry-based food (namely pau, currypuff, murtebak, roti canai) and fruit-based product (such as puree, cordial, sauces, and kerepek pisang). The whole facilities accord to GMP and HACCP Standards for food production and are expected to commence operation in April 2008.*

*Throughout year 2007, projects under SMP which has started development are Halal Food and Entrepreneur Development Centre in Mukim Apam Pasir Mas and Phase II of Tok Bali Seafood Village, Semerak, Pasir Puteh.*



Projek Gerai Tok Bali Fasa II yang mengandungi 8 unit gerai makan, 2 unit restoran, jeti dan pejabat pelancongan, tandas awam dan musolla telah siap 95 peratus. Premis-premis ini dijangka akan diserahkan kepada para pengusahanya pada pertengahan tahun 2008. Hampir 200 orang usahawan dijangka akan mendapat manfaat dan faedah langsung dari pembangunan premis-premis niaga yang dilaksanakan oleh PKINK.

## BAHAGIAN PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT

Sebagai satu bahagian yang bertanggungjawab menyediakan khidmat kemudahan teknologi maklumat (IT) kepada PKINK dan syarikat anak, Bahagian MIS telahpun berjaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti yang dirancangkan bagi sepanjang tahun. Diantara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan mengikut fungsi bahagian adalah sebagaimana berikut :

### i. Penyelenggaraan Sistem Komputer dan Rangkaian PKINK

Aktiviti penyelenggaraan sistem komputer seperti perkakasan dan perisian dijalankan sepanjang tahun dengan menggunakan kepakaran dalaman anggota bahagian MIS. Bagi tujuan menaik-taraf Billk Server, pembelian rak baru bagi tujuan pengemaskinian telah dilakukan. Ianya telah disusuli dengan pembelian server tambahan bagi tujuan kelancaran Sistem Kewangan PKINK.

Bagi tujuan menaik-taraf teknologi ICT Perbadanan, pihak MIS juga telah menyediakan capaian internet tanpa wayar (wireless) di bangunan PKINK.

### ii. Pembangunan Sistem Aplikasi dan Laman Web

Beberapa sistem telah dibangunkan sepanjang tahun 2007 untuk kegunaan bahagian-bahagian tertentu. Antara sistem yang telah dibangunkan ialah Sistem Maklumat Tanah, Sistem Maklumat Korporat, Sistem Maklumat Pelajar Praktikal dan Sistem Maklumat Perubatan. Sistem-sistem ini akan membantu mempercepat dan melicinkan urusan pentadbiran yang berkaitan dengan tugas-tugas di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Projek dan Hartanah dan Bahagian Perancangan Korporat.

Bagi Laman Web Kumpulan PKINK, ianya dipantau dengan komasukan maklumat terkini serta di dalam pengemaskinian dengan rekabentuk baru dan menggunakan teknologi terkini.

### iii. Latihan / Kursus IT

Di antara kursus yang diadakan sepanjang tahun 2007 ialah kursus bagi Modul Adobe Illustrator CS2 dan Adobe Photoshop CS2 kepada anggota Perbadanan pada 10 hingga 18 April 2007. Di samping itu, Program Cuti Sekolah yang memberi pendedahan kepada anak-anak anggota Perbadanan tentang penggunaan perisian seperti MS Word, MS Excel, dan Internet juga diadakan pada 5 hingga 10 Jun 2007.

### iv. Lain-lain

Bahagian MIS juga menawarkan khidmat sewaan makmal siber. Bagi tahun 2007, Makmal Siber PKINK telah digunakan untuk Kelas E-Payment dan E-Aduan anjuran Unit Perancang Ekonomi Negeri dan juga Program Technopreneur anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Selain itu, Bahagian MS juga menyediakan khidmat sewaan LCD Projektor. Khidmat ini sangat merupakan penyumbang pencapaian utama bahagian MIS kepada PKINK.

*Phase II of Tok Bali Seafood Village, which comprised of 8 units of food stalls, 2 units of restaurant, tourist centre, public toilet and musalla, is 95% completed. These premises are expected to be handover to developers by mid-year 2008. Almost 200 entrepreneurs will get benefit from premises developed by KSEDC.*

## MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM DIVISION (MIS)

*As a division responsible in providing Information Technology (IT) services and facilities to KSEDC and subsidiaries, MIS have successfully implemented most of their plan for the whole year. Among activities and functions carried-out by this division are as follows:*

### i. Maintenance of KSEDC network and computer system

*Maintenance on computer system i.e. the hardwares and softwares were carried out by the MIS members throughout the year, using internal expertise. The server facilities was upgraded and expanded to support the ever increasing usage. MIS also provide the wireless internet access (WIFI) at KSEDC Building.*

### ii. Application System Development And Website

*Several systems was developed during the year 2007 for other divisions in KSEDC. Those systems are the Land Information System, Corporate Information System, Practical Students Information System and Medical Information System. These systems will help to speed up information retrieval related to the Project and Property Division, Corporate Planning Division and Human Resource Division, respectively.*

*The division's web development team regularly monitor and update KSEDC's website with latest information, new design and state to the art technology.*

### iii. Training/IT Course

*Among the courses held throughout year 2007 were Adobe Illustrator CS2 module and Adobe Photoshop CS2 to selected KSEDC's staff from 10th to 18th April 2007. In addition, as part of KSEDC's corporate social responsibility to its members, an IT Training Program was conducted to give exposure to their children on the usage of softwares like MS Word, MS Excel and Internet. This program was held from 5th to 10th June 2007.*

### iv. Other activities

*MIS Division also offers rental services for its Cyber Lab. For year 2007, KSEDC Cyber Lab was used for E-Payment and E-Aduan classes organized by the State Economic Planning Unit and the Technopreneur Academy Programme under MECD. This division also rented out its LCD Projectors to companies at minimal charges.*



## BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI DAN IKS

Aktiviti Bahagian Galakan Industri dan IKS sepanjang tahun 2007 ditumpukan kepada kerja-kerja penyewaan hartanah iaitu kilang sediaada dan kilang inkubator yang terdapat di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa serta mengurus pembalakan kilang-kilang yang telah rosak.

Di samping mengurus penjualan dan penyewaan, bahagian ini juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada syarikat-syarikat yang telah membina kilang di atas hartanah yang telah dibeli terutama dari segi syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Penguasa Tempatan.

Sepanjang tahun 2007, Bahagian Galakan Industri dan IKS telah mengatur dua (2) siri lawatan kepada ahli Majlis Eksekutif ke kilang-kilang yang beroperasi di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa II iaitu kilang Sepatu Timur Sdn. Bhd. dan Era Bayam Sdn. Bhd. Perjumpaan dua hala di antara Ketua Eksekutif Kumpulan dan pengilang-pengilang juga telah diadakan untuk membincangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka. Diharapka lebih banyak lawatan sedemikian akan dibuat untuk mengenalpasti syarikat-syarikat yang beroperasi untuk menambah pelaburan di Kelantan.

## PEMBANGUNAN HARTANAH

Penglibatan Kumpulan PKINK dalam sektor Pembangunan Hartanah digerakkan melalui Bahagian Projek dan Hartanah (BPH) serta melalui Syarikat-syarikat anak iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profl Impian Sdn Bhd dan kumpulan Kelkon Sdn Bhd.

## BAHAGIAN PROJEK & HARTANAH

Sepanjang tahun 2007, Bahagian Projek & Hartanah telah berjaya merancang dan membangunkan projek-projek pembangunan hartanah meliputi projek-projek perumahan, dan perkedai yang dapat memberi pulangan dan keuntungan kepada PKINK. Bahagian ini juga telah berjaya menjual aset-aset lama yang lebih wajar untuk dijual serta memerfukan kos pembaikan yang tinggi.

Sebanyak empat (4) projek perumahan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2007 yang melibatkan projek-projek usahasama dengan syarikat-syarikat anak sebagai pemajunya. Projek-projek yang dimaksudkan adalah:

- Pembangunan 80 lot rumah teres, PT5973 – PT6052, Perumahan Taman Kifayah (Fasa 1), Mukim Jeli Tepi Sungai, Jajahan Jeli yang dimajukan oleh Binaraya PKINK Sdn. Bhd. Upacara perasmian majlis pecah tanah telah disemburnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Kelantan pada 12 Julai 2007.
- Pembangunan 36 unit rumah teres 1 tingkat Lot PT584 – PT619 (Fasa 1A), Perumahan Desa Selehong, Mukim Selehong Utara, Jajahan Tumpat.
- Cadangan pembangunan 282 unit rumah kediaman bercampur di atas Lot PT 397 – 505, 512 – 583 dan 620 – 720, Perumahan Desa Selehong, Mukim Selehong Utara, Jajahan Tumpat, Kelantar oleh SPP Development Sdn. Bhd.
- Pembangunan 70 lot perumahan bercampur PT212 – PT281, Mukim Kubang Gatal, Daerah Kubang Gadong, Jajahan Pasir Mas yang dimajukan oleh SPP Development Sdn. Bhd.

Aset-aset lama yang telah berjaya dijual sepanjang tahun 2007 adalah:

- Jualan 11 unit rumah kedai dua tingkat Lot 3628 – 3638, kawasan perindustrian Tanah Merah, Jajahan Tanah Merah, Kelantan.
- Jualan 11 unit rumah kedai 4 tingkat, Buluh Kubu, Seksyen 7, Bandar Kota Bharu, Kelantan

## INDUSTRIAL PROMOTION AND SMIs

*This division's activities throughout year 2007 was focused on rental collection of ready-made factories and incubation units in Pengkalan Chepa industrial park.*

*Apart from that, this division also acts as the advisor to all the companies that build or intend to build factories on the industrial lots they bought, especially in terms rules and regulations set by the Local Authority.*

*During the year 2007, this division had arranged two (2) series of visits by KSEDc's Executive Council, to factories that are in operation at Pengkalan Chepa Industrial Park. These factories are shoe-manufacturer Sepatu Timur Sdn. Bhd. and rice-producer Era Bayam Sdn. Bhd. These visits enable the top management of KSEDc and the manufacturers to meet and discuss problems faced by latter. More visits will be conducted in order to ensure healthy business environment that will further encourage investments into Kelantan.*

## PROPERTY DEVELOPMENT

*KSEDc's involvement in Property Development Sector is spearheaded directly through its Projects & Property Division, as well as indirectly through subsidiaries such as Binaraya PKINK Sdn. Bhd., Profl Impian Sdn. Bhd. and Kelkon Sdn. Bhd.*

## PROJECT AND PROPERTY DIVISION

*Through year 2007, Project & Property Division has planned and implemented several property projects, both residential and commercial units, which generated good returns to KSEDc.*

*This division also manages KSEDc's assets portfolios and came up with proposals either to upgrade those premises or dispose any of them if the market value offset their high maintenance cost.*

*Four (4) housing projects were developed throughout year 2007 on a joint-venture basis with KSEDc subsidiary companies. These projects are:*

- 80 units of terraco houses, PT5973-PT6052, in Taman Kifayah (Phase 1), Jeli, Kelantan which is developed by Binaraya PKINK Sdn. Bhd. The groundbreaking ceremony was officiated by the Chief Minister of Kelantan on 12th Julai 2007.
- 36 units of single-storey terraco houses, Lot PT584-PT619 (Phase 1A), Desa Selehong, Tumpat, Kelantan.
- 282 units mixed development on Lot PT397 – 505, 512-583 and 620-720, Desa Selehong, Tumpat, Kelantan by SPP Development Sdn. Bhd.
- 70 units mixed development on Lot PT212-PT281, Kubang Gatal, Kubang Gadong, Pasir Mas which is developed by SPP Development Sdn. Bhd.

*Assets disposed during year 2007 were:*

- 11 units double-storey shophouses on Lot 3628-3638, Tanah Merah Industrial Park, Tanah Merah, Kelantan
- 11 unit of 4-storey shophouses Buluh Kubu, Seksyen 7, Kota Bharu, Kelantan



*rencana pembangunan*  
**BINARAYA PKINK SDN BHD** *can develop the*

Sepanjang tahun 2007, projek-projek pembangunan hartanah yang lain glat dijalankan oleh Syarikat Anak iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd. Ia merupakan Syarikat Anak milik PKINK yang memainkan peranan penting untuk menjaga aktiviti-aktiviti pembangunan projek hartanah bagi kumpulan PKINK. Projek-projek yang telah dijalankan terdiri daripada projek perumahan dan projek pembangunan rumah kedai yang memberi keuntungan kepada syarikat. Sebahagian projek adalah merupakan projek sambungan bagi tahun 2006. Antara projek yang berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

Projek Tahun 2006 dan Disambung Dalam Tahun 2007:

- i. Desa Ar-Rahman Fasa 1A melibatkan pembinaan 66 unit rumah teres satu tingkat di Sungai Durian, Kuala Krai yang bernilai RM 4.752 juta.
- ii. Perumahan PKINK Machang Fasa 5A melibatkan pembinaan 12 unit rumah teres dua tingkat di Padang Selising, Machang yang bernilai RM 1.878 juta.
- iii. Taman Cahaya Binaraya Fasa 1A melibatkan pembinaan 16 unit banglo satu tingkat di Pasir Genda Tanah Merah yang bernilai RM 2.810 juta.
- iv. Desa Mardiah Binaraya Fasa 1A melibatkan pembinaan 36 unit rumah teres dua tingkat di Mukim Panchor, Kota Bharu yang bernilai RM 5.686 juta.
- v. Taman Seri Mesa Binaraya Fasa 1B melibatkan pembinaan 8 unit rumah banglo dua tingkat di Gual Perok, Rantau Panjang yang bernilai RM 1.112 juta.
- vi. Taman Selehong PKINK Fasa 1A melibatkan pembinaan 36 unit rumah teres satu tingkat di Kg. Berangan, Tumpat yang bernilai RM 3.538 juta.
- vii. 4 unit rumah kedai/pejabat tiga tingkat bersabab Dewan Bahasa dan Pustaka, Berek 12, Jalan Abdul Kadir Adabi Kota Bharu yang bernilai RM 2.80 juta.

Projek Tahun 2007:

- i. Taman Binaraya Fasa 4 melibatkan pembinaan 11 unit rumah teres dua tingkat dan 12 unit rumah banglo dua tingkat di Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh Kota Bharu yang bernilai RM 5.372 juta. *step 05*
- ii. Taman Seri Mesa Binaraya Fasa 1C melibatkan pembinaan 10 unit rumah banglo satu tingkat di Gual Perok Rantau Panjang yang bernilai RM 1.514 juta. *step 07*
- iii. Taman Kifayah Binaraya Fasa 1A melibatkan pembinaan 80 unit rumah teres satu tingkat di Mukim Jeli Tepi Sungai, Jeli yang bernilai RM 6.556 juta. *step 08 & 09*

## PROFIL IMPIAN SDN BHD

Projek yang dilaksanakan oleh Profil Impian ialah Projek Perumahan Taman Kurnia Jaya Fasa 4C melibatkan pembinaan 102 unit rumah teres satu tingkat di Jalan Padang Golf Pengkalan Chepa yang bernilai RM 9.719 juta. Ini merupakan projek sambungan tahun 2006. Projek perumahan ini diteruskan pada tahun 2007 dengan pembinaan empat unit rumah berkembar dua tingkat yang bernilai RM 1.074 juta.

## PEMBINAAN

### KELKON SDN BHD

*2 kelima 4 konsep sedia bina*  
Bagi tahun 2007, nilai projek yang dilaksanakan ialah berjumlah lebih RM 143 juta merangkumi projek dalaman, anak syarikat PKINK dan pihak swasta lain. Di antara projek tersebut ialah pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas, Lintasan Keretapi Pasir Mas, pembinaan sekolah, projek perumahan dan lain-lain. Kelkon juga telah menyiapkan projek pembinaan Masjid Al-Hikmah di Tanjong Mas dan projek ubesuai Masjid Ar-Rahman Pendok Sungai Durian, Kuala Krai. *step 08*

## BINARAYA PKINK SDN. BHD.

*can develop the*  
During year 2007, several property development projects were actively carried out by Binaraya PKINK Sdn. Bhd. This is a wholly-owned subsidiary and play a major role in property development for KSEDC. These projects comprise of residential and commercial development that give profits to the company.

Some of the projects were those that commenced development in year 2006, and they are:

- i. Desa Ar-Rahman Phase 1A: 66 units of terrace houses in Sungai Durian, Kuala Krai worth RM4.752 million.
- ii. 12 units double-storey terrace houses in Padang Selising, Machang worth RM1.878 million.
- iii. Taman Cahaya Binaraya Phase 1A: 16 units of one-storey bungalows in Pasir Genda Tanah Merah worth RM2.810 million.
- iv. Desa Mardiah Binaraya Phase 1A: 36 units of double-storey terrace houses in Mukim Panchor, Kota Bharu worth RM5.686 million.
- v. Taman Seri Mesa Binaraya Phase 1B: 8 units of double-storey bungalows in Gual Perok, Rantau Panjang worth RM1.112 million.
- vi. Taman Selehong PKINK Phase 1A: 36 units of single-storey terrace houses in Kg Berangan, Tumpat worth RM3.538 million.
- vii. 4 units three-storey commercial block in Berek 12, Jalan Abdul Kadir Adabi, Kota Bharu worth RM2.80 million.

Projects which commenced in year 2007:

- i. Taman Binaraya Phase 4: 11 units of double-storey terrace houses and 12 units of double-storey bungalows in Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh worth RM5.372 million.
- ii. Taman Seri Mesa Binaraya Phase 1C: 10 units of one-storey bungalows in Gual Perok, Rantau Panjang worth RM1.514 million.
- iii. Taman Kifayah Binaraya Phase 1A: 80 units of single-storey terrace houses in Mukim Jeli Tepi Sungai, Jeli, worth RM6.556 million.

## PROFIL IMPIAN SDN. BHD.

Dedicated to developing Taman Kurnia Jaya in Pengkalan Chepa, Profil Impian Sdn. Bhd. focused on Phase 4C in year 2007, which involves 102 units of single-storey terrace houses in Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa worth RM9.719 million. This project is a continuation from year 2006. The construction of four units of double-storey semi-detached houses worth RM1.074 million, within the same phase, commenced in year 2007.

## CONSTRUCTION

### KELKON SDN. BHD.

For year 2007, total value of projects constructed by this company amounts to approximately RM143 million, which included internal projects, ie. within KSEDC group, and for other developers. Among the projects are Pasir Mas District Headquarter, Pasir Mas Railway Flyover, schools and housing projects. Kelkon also has completed the construction of Masjid Al-Hikmah in Tanjong Mas and the renovation of Ar-Rahman Mosque Pendok Sungai Durian, Kuala Krai.



Projek-projek ini secara langsung menggalakkan aktiviti anak syarikat Kelkon dalam pengeluaran konkrit sedia bancuh oleh Kelmix dan aggregate serta premix oleh Kijang Kuari. Pada tahun 2007, pengeluaran konkrit sedia bancuh di Pulau Chondong dan Padang Tembak ialah sebanyak 22,080.5 meter padu.

→ tambak pasir → hasil premix  
→ batu → konkrit utk jalan

## KIJANG KUARI SDN BHD

Kijang Kuari Sdn. Bhd adalah satu-satunya syarikat pengkuaran di negeri Kelantan yang berjaya memperoleh pengiktirafan MS ISO 9001:2000 yang dikeluarkan oleh SIRIM. Dalam tahun 2007, syarikat telah berjaya mengeluarkan agregat sebanyak 227,082.00 metrik tan dan premix sebanyak 67,788.52 metrik tan. Syarikat juga telah berjaya memasarkan premix sebanyak 67,788.52 metrik tan dan aggregate sebanyak 183,159.75 metrik tan. Nilai keseluruhan bagi pengeluaran semua produk berjumlah hampir RM 9.2 juta.

Kijang Kuari juga menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan untuk jalan-jalan di bawah IKR, Majlis Tempatan, Syarikat kumpulan dan Swasta. Nilai kerja yang telah dilaksanakan adalah hampir RM 11.4 juta.

## PENGURUSAN HARTA

### PROKEL MANAGEMENT SDN BHD (PSMB)

Prokel Management Sdn Bhd adalah syarikat anak kumpulan PKINK yang bertanggungjawab dalam mengendalikan pengurusan harta dan bangunan milik PKINK. Antara tugas utama Prokel ialah mengendalikan pengurusan sewa dan pemasaran premis kosong milik PKINK, kerja-kerja menyelenggara perkhidmatan mekanikal, elektrik, struktur dan peralatan awam di bangunan milik PKINK serta menyediakan khidmat pengurusan kebersihan, perkhidmatan pengurusan perlindungan insurans harta dan pengurusan rukai bandar. Selain itu, syarikat juga terlibat dalam mengurus kutipan tempat letak kereta dan sebagai perunding kontraktor.

Prestasi syarikat agak memberangsangkan berbanding tahun 2006 di mana keuntungan bersih selepas cukai yang dicapai ialah RM80,065.00 berbanding RM52,189.00 pada tahun 2006.

→ setiap tahun → meningkatkan pendapatan  
→ melalui projek-projek

## PERTANIAN DAN AGRO BISNES

Sektor Pertanian dan Agro-Bisnes digerakkan melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) yang sentiasa berusaha secara giat agar sektor ini berkembang pesat sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri Jelapang Makanan.

### KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

→ Ladang  
→ projek pertanian (dalam tanah)

Peranan utama KPKB ialah melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersial di negeri Kelantan ke arah meningkatkan usaha-usaha menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri jelapang makanan negara serta menjadikan sektor pertanian sebagai teras pembangunan ekonomi negeri Kelantan.

Antara bidang utama aktiviti KPKB dan syarikat anak pada masa ini ialah seperti:

- i. Pengeluaran baja padi di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Negeri Kelantan bernilai RM 4.0 juta setahun.
- ii. Pembangunan Ladang Buah-Buahan melalui dusun Ladang Rakyat di Jeli, Relai dan Lojing oleh DAMAI.
- iii. Menyediakan Pusat Juakan benih pokok buah-buahan dan bunga oleh DAMAI.

These projects directly stimulates the related activities engaged by Kelkon's subsidiary Kelmix which produces ready-mix concrete as well as production of aggregate and premix by Kijang Kuari Sdn Bhd. In year 2007, production of ready-mix concrete amounts to 22,080 cubic metres.

## KIJANG KUARI SDN. BHD.

Kijang Kuari Sdn. Bhd. is the only company which involved in quarrying in Kelantan that was issued MS ISO9001:2000 certification by SIRIM. In year 2007, this company produced 227,082.00 metric tons of aggregate and 67,788.52 of premix, out of which 67,788.52 metric tons of premix and 183,159.75 metric tons of aggregate were sold respectively. The total sale value were almost RM9.2 million.

Kijang Kuari also carried out road constructions for the Public Work Department, Local Councils, other KSEDC subsidiaries as well as private companies. The worth of those projects were almost RM11.4 million.

## ASSET MANAGEMENT

### PROKEL MANAGEMENT SDN. BHD. (PMSB)

Prokel Management Sdn. Bhd. is a wholly-owned subsidiary which is responsible in managing all buildings owned by KSEDC. The task involved rental collection, promoting vacant lots as well as maintaining all mechanical, civil, electrical and structural aspects of those buildings. The company also handles matters regarding cleanliness, insurance protection and quit rent. The company also managed several parking areas as well as acting as a property consultant.

The company net profit after tax improve significantly in year 2007 to RM80,065.00, from RM52,189.00 in year 2006.

## AGRICULTURE AND AGRO BUSINESS

The group agriculture and agro-business sector is actively ventured by Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), which is in line with the state government's aspiration to turn Kelantan into a Food Haven.

### KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

Its mission is to commercially develop the agriculture sector in Kelantan, not only to promote the state as the national food haven, but also to turn the sector into the state's core economic catalyst.

Among the key areas engaged by KPKB thus far is:

- i. Manufacturing fertilizers under the state's subsidy scheme, which is worth RM4.0 million a year.
- ii. "Ladang Rakyat" (Orchard Development) in Jeli, Relai and Lojing by DAMAI.



- iv. Industri memhuat minuman roselle dan produk berasaskan roselle oleh Murni Marketing.

KPKB berusaha keras untuk memajukan sektor pertanian bagi menjadi pemangkin kepada teras pembangunan ekonomi negeri Kelantan. Tindakan bersepadu ribarap akan dapat memberi faedah kepada penduduk negeri Kelantan di dalam meningkatkan sosio-ekonomi penduduk.

## PEMROSESAN MAKANAN

### MURNI MARKETING SDN BHD. (MMSB)

MMSB adalah syarikat milik penuh KPKB yang menjalankan aktiviti pemprosesan makanan sebagai menyokong kepada pengeuaran tambah nilai pemasaran produk pertanian.

Pengeluaran produk utama MMSB adalah produk berasaskan roselle iaitu kordial roselle, jus roselle (ready to drink), halwa roselle serta rempah dan herba berjenama Produk Kelantan. Usaha dan langkah berterusan untuk mengembangkan dan memajukan industri Jus Roselle dilakukan dengan giat melalui program kerjasama dengan agens-agensi berkaitan serta promosi dan pemasaran produk dengan lebih berkesan.

Sepanjang tahun 2007 juga, Murni Marketing telah menjalankan aktiviti promosi dan jualan produk bagi memperkenalkan produk roselle kepada masyarakat di seluruh Malaysia. Antara usaha promosi yang disertai ialah melalui program-program seperti MITC Melaka, Hari Peladang Kebangsaan Terengganu, Karnival Pendidikan Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Pesta Flora Keputeraan Al-Sultan Kelantan, Majlis Sukan MRSM Peringkat Kebangsaan, program SMIDEC dan Pesta Pulau Pinang.

### DARUL NAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD. (DAMAI)

Beroperasi sebagai merajana pembangunan dan penjualan ladang buah-buahan yang dikenali sebagai Ladang Rakyat Dataran Rabuah. Sehingga tahun 2007, DAMAI telah memajukan dan menguruskan Ladang Rakyat seluas merangkumi kawasan berikut:

- i. Ladang Rakyat Jeli
- ii. Ladang Rakyat Mukim Relai, Gua Musang
- iii. Ladang Rakyat Lojing Fasa I, Gua Musang
- iv. Ladang Rakyat Lojing Fasa II, Gua Musang
- v. Ladang Rakyat Lojing Fasa III, Gua Musang
- vi. Tapak Semaian Mukim Apart, Pasir Mas

## PERLADANGAN

### SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN BHD (SLST)

Sektor perladangan digerakkan melalui Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd (SLST) dan Ladang Tapis Sdn Bhd. Kedua-dua syarikat ini memainkan peranan utama dalam sektor perladangan iaitu getah dan kelapa sawit. Ladang Tapis Sdn Bhd merupakan syarikat milik SLST yang diambilalih dari Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad pada tahun 2006.

Peca tahun 2007, SLST telah berjaya mengeluarkan 900,978 kilogram Getah Lateks dan 1,231,975 kilogram Getah Sekerap. Sementara itu, bagi pengeluaran sawit, sebanyak 49,303 metrik tan Buah Tandam Segar Sawit (BTS) telah dikeluarkan. Pengeluaran Lateks, Getah Sekerap dan Sawit ini telah memberi pulangan yang besar kepada perdataraan SLST. Hasil jualan Getah Sekerap mencatat jumlah RM7,839,738.00, Lateks sejumlah RM6,755,469.00 dan BTS berjumlah RM26,112,937.00.

- iii. Nursery centre for fruit trees and flower plants under DAMAI.

- iv. Production of Roselle cordial under Murni Marketing.

Apart from income contribution to the state, KPKB's also hope that all these concerted effort will give social economic benefit to the local population.

## FOOD PROCESSING

### MURNI MARKETING SDN. BHD. (MMSB)

MMSB is a wholly-owned subsidiary that involves in food processing, as a value added activity for agricultural products.

The main output for MMSB is roselle-based products, namely cordial, ready to drink juice, and dried petals. On-going efforts to expand and develop the product range has been made through joint-ventures with related agencies, as well as conducting effective promotion and marketing activities. Among them is taking part in expositions and exhibitions held in MITC Melaka, National Farmers Day in Terengganu, Education Carnival in Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Flora Fest, MRSM National Sports Meet, SMIDEC and Penang Fest.

### DARUL NAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD. (DAMAI)

DAMAI engages in developing and selling orchard lots which are better known as Ladang Rakyat Dataran Rabuah (LRDR). Until year 2007, DAMAI has cultivated and sold these areas:

- i. Ladang Rakyat Jeli
- ii. Ladang Rakyat Mukim Relai, Gua Musang
- iii. Ladang Rakyat Lojing Fasa I, Gua Musang
- iv. Ladang Rakyat Lojing Fasa II, Gua Musang
- v. Ladang Rakyat Lojing Fasa III, Gua Musang
- vi. Tapak Semaian Mukim Apart, Pasir Mas

## PLANTATION

### SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN. BHD. (SLST)

This sector is ventured through SLST and its subsidiary Ladang Tapis Sdn. Bhd, which cultivate and manage oil palm and rubber plantation. Ladang Tapis Sdn. Bhd. is wholly-owned by SLST, after being taken over from KPKB in year 2006.

In year 2007, SLST produced 900,978 kg Latex and 1,231,975 kg of scrap from its rubber plantation, in addition to 49,303 metric ton of Fresh Fruit Bunches (FFB) from the oil palm area. These products give hefty returns for SLST, with sales generated amounted to RM7,839,738.00,



Bagi Ladang Tapis, pengeluaran BTS ialah sebanyak 2,120 metrik tan dengan hasil jualan berjumlah RM853,287.00.

SLST juga memainkan peranan utama dalam menjayakan Projek Pembangunan Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan dan turut menjalinkan usaha sama dengan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dalam memajukan projek ini.

## PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

### KOMPLEKS PERKAYUAN SDN BHD (KPKSB)

KPKSB merupakan syarikat anak PKINK yang memainkan peranan penting dalam menjaga aktiviti sektor perhutanan dan pembalakan. KPKSB telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2,357,285.00 pada tahun 2007 berbanding RM992,162.00 tahun 2006. Pendapatan adalah dijana dari jualan balak, jualan balak pukal dan jualan kayu gergaji. Jumlah pengeluaran balak ialah sebanyak 15,570 tan dan kayu gergaji adalah sebanyak 3,479 tan. Balak yang diproses ialah sebanyak 12,463 tan berbanding 7,513 tan tahun 2006. Ini melibatkan kawasan kerja seluas 2,557 ekar.

Syarikat juga telah melaksanakan beberapa program pembangunan dalam dan sukan untuk kakitangan dalam usaha melahirkan warga kerja yang cekap, bermotivasi dan bertanggungjawab. Antara program yang diadakan ialah Kursus Kepimpinan dan Pembinaan Pasukan Berkesan dan majlis perjumpaan antara kakitangan dan Pengurus Besar KPKSB dengan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK.

## PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan digerakkan melalui aktiviti oleh dua syarikat anak PKINK iaitu UB Consult Sdn Bhd dan Permodalan Kelantan Berhad (PKB).

### UB CONSULT SDN. BHD.

Bagi tahun 2007, syarikat telah meneruskan aktiviti terasnya dengan memberi Perkhidmatan Kesetiausahaan kepada pelanggannya di samping memberi lain-lain perkhidmatan korporat seperti Penyediaan Akaun dan e-Perolehan. Prestasi Syarikat bagi tahun 2007 adalah amat memporangsangkan dengan mencatat Untung Bersih seapap cukai diaudit yang tertinggi dalam tempoh operasinya selama 12 tahun iaitu sebanyak RM 64,460.39.

### PERMODALAN KELANTAN BERHAD

Permodalan Kelantan Berhad (PKB) merupakan syarikat dalam kumpulan yang bertanggungjawab untuk menyediakan dan menawarkan pelbagai perkhidmatan. PKB adalah syarikat induk kepada tiga (3) buah syarikat dan dua (2) unit bisnes yang bergiat dalam sektor perkhidmatan. Syarikat tersebut ialah Hostcare Sdn Bhd (menguruskan Pusat Perubatan An-Nisa'), Infra Quest Sdn Bhd dan Ascil Line Sdn Bhd. Unit Bisnes pula ialah Sistem Gadelan Islam, Ar-Rahn.

### HOSTCARE SDN BHD (AN-NISA')

Hostcare Sdn. Bhd. menguruskan An-Nisa' iaitu hospital bersalin milik penuh PKB yang berkonsepkan Islam. Pusat Perubatan An-Nisa' mengendalikan kes-kes perbidanan dan sakit puan dan juga pesakit luar khusus untuk rakyat Kelantan dengan keutamaan adalah kepada kaum wanita yang ingin untuk mendapatkan rawatan sakit puan, bersalin dan sebagainya. Sepanjang tahun 2007, An-Nisa' telah melaksanakan pelbagai program promosi dan program-program berkaitan penjagaan kesihatan untuk bakal ibu dan ibu-ibu bersalin. Antaranya ialah program Ibu Sihat Anak Cemerlang, Hari Bersama Pelanggan dan Promosi Bergerak.

RM6,755,469.00 and RM26,112,937.00, for scrap, latex and FFB respectively.

For Ladang Tapis, the total FFB's production are 2,120 metric ton with total sales of RM853,287.00. SLST plays a key role in implementing the state's "Ladang Rakyat" Development Project, in association with the Menteri Besar Corporation.

## LOGGING AND FORESTRY

### KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN. BHD. (KPK)

KPK is KSEDC's fully-owned subsidiary which is actively involved in logging and forestry. It generated a profit before tax of RM2,357,285.00 in 2007 compared to RM992,162.00 in 2006. The income is mainly from selling logs and sawntimber. From a total area of 2,557 hectares for year 2007, total log production were 15,570 tonnes, out of which 12,463 tonnes were processed into 9,479 tonnes of sawn timber.

This company also implemented internal development programs and sports activities for its staffs, in an effort to produce an efficient, motivated and responsible human resource. Among the programs held were Effective Team Building Course and a meeting between all the members of KPK with the CEO of KSEDC.

## SERVICES

The service-based activities are ventured via two fully-owned subsidiaries, which are UB Consult Sdn. Bhd. and Permodalan Kelantan Berhad (PKB).

### UB CONSULT SDN. BHD.

In year 2007, this company continues providing secretarial services to its clients in addition to other corporate services such as account preparation and E-Perolehan registration. This company made a remarkable performance in year 2007, charting a nett profit of RM64,460.39 the highest recorded in 12 years of its operation.

### PERMODALAN KELANTAN BERHAD (PKB)

Permodalan Kelantan Berhad is the holding company to three subsidiaries and one business unit, offering a wide range of services. The subsidiaries are Hostcare Sdn. Bhd. (An-Nisa'), InfraQuest Sdn. Bhd. and Ascil Line Sdn. Bhd., while the business unit is Sistem Gadelan Islam Ar-Rahn.

### HOSTCARE SDN. BHD. (AN-NISA')

Hostcare Sdn. Bhd. manages PKB's Islamic maternity hospital which is known as An Nisa'. In this hospital only female doctors are allowed to handle obstetrics and gynaecology cases. Throughout year 2007, An-Nisa' hospital has conducted several programmes for mothers and would-be mothers, such as the "Healthy Mom, Excellent Child" campaign, Open Days and Roadshows.



## INFRA QUEST SDN. BHD.

Infra Quest Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan dilisensikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi membina menara telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan. Sehingga kini IQSB telah memiliki 96 buah menara untuk disewakan kepada operator telekomunikasi iaitu Celcom Malaysia Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd, Digi Telecommunication Sdn Bhd dan Sapura Research Sdn Bhd.

Dalam tahun 2007, IQSB telah mendapat kontrak daripada TMF Services Sdn Bhd (Anak Syarikat Telekom Malaysia Berhad) bagi memina menara telekomunikasi dengan nilai kontrak sebanyak RM2.294 juta.

Selain itu, syarikat juga melaksanakan beberapa aktiviti dalaman seperti Hari Keluarga, Latihan Keselamatan Menara, Kejohanan Bowling bersama kontraktor dan Mesyuarat Penyelidikan Projek 2007 dan Projek Baru 2008 bersama Telco's.

## SISTEM GADAIAN ISLAM (AR-RAHN)

Pemodalan Kelantan Berhad terus berusaha bagi mengembangkan sistem gadaian Islam Ar-Rahn ke seluruh negeri Kelantan sejajar dengan permintaan kepada pajak gadaian Islam yang semakin meningkat di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. Sepanjang tahun 2007, usaha-usaha telah dijalankan bagi memajukan sistem gadaian Islam di Kelantan khususnya melalui penercaan pasaran baru yang melibatkan pembukaan cawangan dan menambahkan perkhidmatan di semua cawangan yang sedia ada.

Ar-Rahn juga melaksanakan usaha mempromosi dan menjual Emas Dinar Kelantan kepada seluruh rakyat Kelantan dan Malaysia. Sejak dilancarkan pada September 2006, Emas Dinar Kelantan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Pada tahun ini, Pemodalan Kelantan Berhad telah membuka cawangan baru Ar-Rahn di Gua Musang pada 8 Julai 2007. Cawangan Gua Musang merupakan cawangan yang ke-11. Di samping itu, bangunan baru yang menempatkan Ar-Rahn Cawangan Tanah Merah telah ditasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Kelantan pada 19 April 2007. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, Ar-Rahn cawangan Pasir Mas telah berpindah ke premis baru di Jalan Masjid Lama pada 24 Mei 2007.

## PELANCONGAN DAN REKREASI

Sepanjang tahun 2007, sektor pelancongan dan rekreasi telah diberi penekanan yang lebih oleh Kerajaan Negeri, terutama sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan persediaan menghadapi Tahun Melawat Kelantan 2008. Seajar dengan langkah tersebut, industri perhotelan dan resort di bawah Kumpulan PKINK diberi perhatian yang sewajarnya bagi mengambil peluang tersebut.

## PERDANA RESORT SDN BHD

Tahun 2007 memberikan impak yang signifikan kepada syarikat. Ini kerana prestasi syarikat pada tahun 2007 menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu mencapai angka keuntungan bersih sebanyak RM 341 ribu dengan jumlah pendapatan operasi sebanyak RM 4 juta yang diperolehi melalui tiga sumber pendapatan utama iaitu sektor F & B, penginapan dan lain-lain pendapatan.

Prestasi cemerlang ditunjukkan melalui pertumbuhan pesat dan keuntungan berterusan selama konsisten untuk tiga tahun berturut-turut yang mencerminkan prestasi perniagaan yang semakin memberangsangkan. Selain dari faktor asas keteguhan ekonomi negara yang telah memberi impak dan peluang menarik kepada sektor perhotelan, kejayaan ini sebenarnya adalah hasil dari keberkesanan plan tindakan dan strategi pemasaran serta komitmen yang disumbangkan oleh seluruh warga kerja Perdana Resort.

Antara aktiviti yang dilaksanakan syarikat sepanjang tahun 2007 ialah aktiviti pemasaran dan komunikasi, program potong myong, latihan anggota, aktiviti sosial, sukan dan kebijakan dan program ubahsuai dan naiktaraf produk.

## INFRA QUEST SDN. BHD.

*Infra Quest Sdn. Bhd. is appointed by The State Government and awarded sole license by Multimedia and Communication Commission (MCC) to build telecommunication towers throughout Kelantan. Up until now, IQSB owned 96 towers, which were rented out to telecommunication companies such as Celcom Malaysia Berhad, Maxis Broadband Sdn. Bhd., Digi Telecommunication and Sapura Research Sdn. Bhd.*

*In year 2007, IQSB secured a contract worth RM2.294 million to build telecommunication towers for TMF Services Sdn. Bhd. (subsidiary Syarikat Telekom Malaysia Berhad).*

*Apart from the daily operation, this company also implemented several activities for its stakeholders such as Family Day, Tower Drills, Bowling Championship among contractors, as well as regular planning and coordination meetings with the telcos.*

## SISTEM GADAIAN ISLAM AR-RAHN

*Due to overwhelming response from the public, both muslim and non-muslim, PKB strives to further expand Ar-Rahn's operation across the state. In year 2007, efforts were carried out to further strengthen the presence of Islamic pawn shops in Kelantan especially through exploration of new markets and opening new branches, as well as improving services in existing branches. In year 2007, PKB open ar-rah'n's 11th branch in Gua Musang on 8th July. On 19th April, the Hon. Chief Minister of Kelantan officiated the new ar-rah'n building in Tanah Merah while on 24th May, ar-rah'n Pasir Mes moved to a new premise at Jalan Masjid Lama.*

*Ar-Rahn also aggressively promotes the sales of Dinar Mas locally and nationwide. Since its launch in September 2006, the demand is ever increasing.*

## TOURISM AND RECREATION

*Throughout the year 2007, the State Government put greater focus on tourism and recreation sector in Kelantan, in line with the Visit Malaysia Year 2007 and as well as in anticipation of Visit Kelantan Year 2008. Hence, parallel measures were taken by the hotel and resort under KSEDC.*

## PERDANA RESORT SDN. BHD.

*Year 2007 gives a significant impact to this company. The performance of this company for year 2007 was very encouraging, with net returns of RM341,000.00 from almost RM4million turnover. The three main income contributors are F & B, accommodation and other income.*

*The potential of this resort remain promising, as demonstrated by consistency rising income and continued profits for three consecutive years. Though strong economic performance serve as the primary factor and create positive opportunities to the hotel industry as a whole, the success of this resort is also a result of effective business plan and marketing strategy, as well as relentless commitment by all staffs of Perdana Resort.*



Bagi meningkatkan kecekapan kerja, beberapa program latihan kakitangan telah diadakan seperti Kursus Pembentukan Diri dan Sikap Kerja Yang Comotang, Kursus Pemupukan Budaya Kerja Comotang dan Latihan Dalaman.

Sepanjang tahun 2007, Perdana Resort telah berjaya menggondol beberapa anugerah kecemerlangan dalam pelbagai aspek terutamanya dalam bidang landskap dan kecantikan outlet. Antaranya ialah Johan Pertandingan Hiasan Lobi Peringkat Negeri anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia Sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, Johan Pertandingan Hiasan Lobi Sempena Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan, Naib Johan Gerai Terantik Pesta Nasi 100 di Perkarangan Stadium Sultan Mohd ke IV, dan Naib Johan Sukan Antara Hotel anjuran Persatuan Hotel Malaysia (Kelantan Chapter).

## **HOTEL PERDANA SDN BHD**

Hotel Perdana menjadi salah satu hotel pilihan pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri. Dengan lokasinya yang strategik terletak di tengah bandar, ia amat sesuai untuk penginapan kakitangan awam, ahli perniagaan dan pelancong asing. Di samping itu, Hotel Perdana juga sesuai dijadikan tempat persidangan, seminar dan kursus kepada sektor awam dan swasta.

Prestasi kewangan bagi tahun 2007 amat memborosangkan. Hasil usaha dan kerjasama semua pihak, pengurusan dan kakitangan, Hotel Perdana telah memperolehi pendapatan sebanyak RM7,611,471.24 pada tahun 2007 berbanding RM6,934,439.71 tahun 2006.

Sepanjang tahun 2007, pihak pengurusan telah menyediakan pelbagai peluang dan kemudahan kepada kakitangan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta kualiti perkhidmatan dengan menghantar kakitangan berkursus di tempat penyelia-penyelia latihan swasta di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Di samping itu juga, pelbagai program lain telah diatur bagi mengeratkan hubungan pengurusan dan kakitangan seperti gotong royong membersihkan kawasan hotel, program ceramah agama dan solah hajat berjemaah.

Selain itu, pihak hotel juga turut memberi kerjasama kepada Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan dan Tourism Malaysia Negeri Kelantan di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bagi menarik pelancong ke Negeri Kelantan terutamanya bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia 2007.

Hotel Perdana juga turut menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat dengan memberi dan menghulurkan bantuan dan derma kepada pihak yang memerlukan samada dalam bentuk kewangan, makanan ataupun pakaian terutamanya sepanjang bulan Ramadhan.

## **PERDANA SUPERBOWL SDN BHD**

Perdana Superbowl kekal menjalankan operasi perniagaan bowling yang lenunggi di Kelantan. Satu-satunya pusat bowling yang menawarkan kadar harga yang kompetitif dan mampu bersaing dengan pusat bowling lain di Kelantan seperti di KB Mall, Perdana Superbowl terus mendapat tempat bagi jabatan-jabatan Kerajaan, persatuan dan kelab-klub bagi menganjurkan kejohanan bowling peringkat jabatan, negeri dan kebangsaan.

Antara kejohanan yang diadakan di Perdana Superbowl ialah Kejohanan MAKSAK, Kejohanan Petronas, Kejohanan USM Kubang Kerian, Kejohanan TNB dan lain-lain.

Perdana Superbowl juga menjadi pusat latihan rasmi kepada pemain-pemain bagi persediaan pasukan atau individu yang akan menyertai kejohanan peringkat negeri dan kebangsaan. Di samping itu, aktiviti harian perniagaan bowling terbuka kepada orang ramai terus mendapat sambutan masyarakat Kelantan.

*Among the programs performed by this company for year 2007 are marketing and communication activities, gotong royong, social activities, sports and welfare as well as efforts to refurbish and upgrade its product offering.*

*To boost job efficiency, several training programs were held on topics such as Good Work Ethics, Self Development and Excellent Work Culture. Throughout year 2007, Perdana Resort has won several awards for its creativity especially in landscape and outlet design. Among the accolades are Best Lobby Design in state-wide competition organized by the Ministry of Tourism for Visit Malaysia Year 2007, Best Kiosk during "Pesta Nasi 100" held in conjunction with the Sultan of Kelantan's Birthday. Perdana Resort also emerge as the runner-up in the Inter-sport meet between hotels in Kelantan, organized by the Malaysia Hotels Association.*

## **HOTEL PERDANA SDN. BHD.**

*Hotel Perdana remain as one of the main choices to stay by tourists from foreign and domestic. Strategically located in the heart of Kota Bharu, it is a suitable choice for government officials, business travellers and tourists. Apart from that, Hotel Perdana is also suitable for holding conference, seminar and courses for both public and private sector.*

*Financial performance for year 2007 is encouraging. Concerted efforts and teamwork help to generate income worth RM7,611,471.24, compared to RM6,934,439.71 in year 2006.*

*Throughout year 2007, management team give ample opportunities and facilities for their staff to gain knowledge and skills by sending them to courses under the Human Resource Development Fund. In addition, there's also various team-building programs such as 'gotong-royong' and solah hajat berjemaah.*

*Hotel Perdana also collaborates with the state Tourism Action Council and Malaysia Tourism in various activities to attract tourist for Visit Kelantan Year 2007.*

*Not forgetting its social responsibility Hotel Perdana engaged in charity work which includes donation of money, food and clothes throughout Ramadhan.*

## **PERDANA SUPERBOWL SDN. BHD.**

*Perdana Superbowl remains as the favorite bowling arena in Kelantan, offering tournament-class venue at competitive rates, and capable of competing with other bowling centres in Kelantan such as in KB Mall. Perdana Superbowl remains unperturbed and still held tournaments organized by government agencies and clubs. Among the local championship held by Perdana Superbowl are for MAKSAK, Petronas, USM Kubang Kerian, TNB and others.*

*Apart from daily operation, Perdana Superbowl is also the formal training centre for state players preparing for national championship.*



# PERISTIWA KORPORAT 2007 CORPORATE EVENTS 2007



1



2



3



4



5



6

**1. 17 Januari 2007**

Perutusan Tahun Baru Ketua Eksekutif PKINK  
*New Year Speech by the CEO of PKINK*

**2. 23 Januari 2007**

Ceramah Hijratul Rasul oleh Ustaz Ahmad Fadli Shaa'ri dari KIAS, Nilam Puri.  
*Talk on Hijratul Rasul by Ustaz Ahmad Fadli Shaari from KIAS, Nilam Puri*

**3. 25 Januari 2007**

KSK PKINK menyertai misi bantuan mangsa banjir di Johor anjuran Kerajaan Kelantan  
*PKINK's Sports & Recreation Club participated in the relief mission for flood victims in Johor, organized by the Kelantan State Government*

**4. 23 - 24 Februari 2007**

Kejohanan Badminton: Jemputan Piala Ketua Eksekutif PKINK kali ke - 3  
*The third CEO's Cup Badminton Championship*

**5. 27 Februari 2007**

Perlawanan bolasepak persahabatan antara Pegawai PKINK dengan ADUN Kelantan  
*Friendly football match between PKINK and members of the State Assembly*

**6. 26 - 28 Februari 2007**

